

Arahan: Jawab **semua** soalan

Bahagian A

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.



1. Pelayan restoran itu sedang _____ makanan untuk pelanggannya.
 - A. menjulang
 - B. menatang
 - C. mengangkat
 - D. menjunjung
2. Perjumpaan Hari Keluarga diadakan bertujuan agar ahli-ahlinya dapat _____ antara satu sama lain.
 - A. tahu-menahu
 - B. tengok-menengok
 - C. soal-menyual
 - D. kenal-mengenal
3. Badannya kelihatan _____ akibat tidak lalu makan selama beberapa hari.
 - A. kecut
 - B. surut
 - C. susut
 - D. Lurut
4. Seharusnya usahawan bumiputera perlu lebih _____ dalam menghadapi dunia perniagaan yang begitu mencabar.

- A. kuat kuasa
B. kuat usaha
C. kuat duga
D. kuat cuba

Soalan 5 hingga soalan 6

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

5. Para pemaju perumahan tidak mengindahkan teguran penduduk agar mengatasi masalah tersebut.
- A B C

Tiada kesalahan
D

6. Dia terkejut apabila diberitahu bahawa dia tidak bersalah dan terlepas dari sebarang hukuman.
- A B C

Tiada kesalahan

D

Soalan 7 hingga soalan 9

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul**.

7. I. Kita harus mengikut *rasmi* padi, semakin tunduk semakin berisi.
II. Bangunan tambahan sekolah itu telah dibuka secara *rasmi* oleh salah seorang pegawai dari Kementerian Pelajaran Malaysia.
III. Cikgu Hasnah meminta saya menulis sepucuk surat *rasmi* kepada Pengarah Muzium Negara.
IV. Sudah menjadi *rasmi* Hasmah bersalaman dengan ibunya sebelum pergi ke sekolah.
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV sahaja
8. I Cerita yang *berkesan* tentang hantu sering mendapat perhatian kanak-kanak.
II Kami sungguh *berkesan* dengan tutur kata dan sopan santun yang ditunjukkan oleh

jurujual tersebut.

III Nasihat itu tidak *berkesan* untuk mengubah sikapnya.

IV Kempen membaca yang kurang *berkesan* kerana masyarakat lebih suka akan hiburan.

A I, II, III dan IV sahaja

B I dan II sahaja

C II dan III sahaja

D I, III dan IV sahaja

9. I Nazri mendapat maklumat itu *melalui* internet.

II Kami *melalui* jalan yang berbelok-belok dan bukit yang curam untuk sampai ke tempat itu.

III Anak yang baik tidak berani *melalui* larangan dan pesanan ibu bapa.

IV Dia *melalui* usia remaja tinggal di asrama sehingga berjaya dalam pelajaran.

A I, III dan IV sahaja

B I, II dan IV sahaja

C I dan II sahaja

D I, II, III dan IV sahaja

Soalan 10 hingga soalan 11

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

10. Encik Musa amat sedihkan kematian anak bongsunya itu.

A sedihkan

C amat sedih akan

B amat sedih

D amat sedihkan

11. Bayaran yang berlebihan itu saya telah kembalikan kepadanya semula.

A. telah dikembalikan oleh saya

C. telah saya kembalikan

B. telah dikembalikan saya

D. saya telah kembalikan

Soalan 12 hingga soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan

ayat yang dicetak tebal.

12. "Wah, cantik sungguh lukisan-lukisan yang dipamerkan itu," kata Wahidah kepada Jamilah.
- A Wahidah memuji kecantikan lukisan-lukisan yang dipamerkan ini kepada Jamilah.
- B Wahidah memberitahu Jamilah bahawa dia terpegun melihat lukisan-lukisan yang dipamerkan itu.
- C Dengan perasaan hairan, Wahidah menyatakan kepada Jamilah bahawa lukisan-lukisan yang dipamerkan itu sangat cantik.
- D Dengan perasaan kagum, Wahidah memberitahu Jamilah tentang kecantikan lukisan-lukisan yang dipamerkan itu.
13. Melalui Program Khidmat Negara itu, mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan bahkan memperoleh pengalaman yang amat berguna.
- A Memperoleh pengetahuan dan pengalaman amat berguna kepada para pelajar yang menyertai Program Khidmat Negara.
- B Disamping pengetahuan tentang Program Khidmat Negara itu, mereka memperoleh pengalaman yang berguna juga.
- C Selain mendapat pengetahuan tentang Program Khidmat Negara itu, mereka mendapat pengalaman yang berguna juga daripadanya.
- D Bukan sahaja pengetahuan malah pengalaman yang berguna juga dapat diperoleh apabila mereka menyertai Program Khidmat Negara.

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Para pelajar harus meningkatkan disiplin diri mereka.
- II Hakim menjatuhkan perompak itu hukuman penjara selama enam tahun.
- III Perabot ini sangat mahal kerana ia diimport dari Jerman
- IV Kila mestilah yakin agar Tuhanlah yang menentukan segala-galanya.

A I dan II sahaja

C II dan IV sahaja

B I dan III sahaja

D III dan IV sahaja

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.

- 

Baca pantun di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan – soalan yang berikutnya

PANTUN ALAM REMAJA

- | | |
|---|---|
| 1 Elok rupanya kumbang jati,
Dibawa itik pulang petang;
Tidak terkatakan besar hati,
Melihat ibu sudah pulang. | 5 Hanyut batang berlilit kumpai,
Terdampar di <i>ujung</i> Tanjung Jati;
Bonda pulang bapa pun sampai,
Kita semua berbesar hati. |
| 2 Dibawa itik pulang petang,
<i>Dapat di rumput bilang-bilang</i> ;
Melihat ibu sudah pulang,
Hati cemas menjadi hilang. | 6 Ramai orang bersorak-sorak,
Menepuk gendang dengan rebana;
Alang besarnya hati awak,
Mendapat baju dengan celana. |
| 3 Ayam kinantan terbang mengekas,
Hinggap di ranting bilang-bilang;
Melihat bonda pulang lekas,
Hatiku besar bukan kepalang. | 7 Mahulah kami hendak melapun,
Lapun dibawa orang menjaja;
Jangan marah kami berpantun,
Budak kecil biasa manja. |
| 4 Kita menari keluar bilik,
Sebarang tari kita tarikan;
Kita menyanyi adik-beradik,
Sebarang nyanyi kita nyanyikan. | |

(Dipetik daripada antologi *Baik budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

18. Berdasarkan rangkap pertama pantun di atas, mengapakah anak-anak berasa gembira?

- A. Anak-anak dapat menyanyi bersama-sama.
- B. Anak-anak melihat ibu sudah pulang .
- C. Anak-anak menunggu kepulangan ibu dan ayah.
- D. Anak-anak menerima baju dan seluar baharu daripada ibu dan ayah.

19. Berikut ialah nilai-nilai murni yang terdapat dalam pantun di atas, kecuali

- A. bersyukur
- B. keyakinan
- C. kasih sayang
- D. bertanggungjawab

20. Rangkai kata *Dapat di rumput bilang-bilang* merupakan gaya bahasa

- A. epifora
- B. repetisi
- C. imej alam
- D. kata ganda